



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**3 OKTOBER 2023 (SELASA)**



---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**3 OKTOBER 2023 (SELASA)**

## Kena tunjuk pengenalan beli minyak masak peket subsidi

**PETALING JAYA:** Pengguna perlu menunjukkan pengenalan diri jika berhasrat untuk membeli minyak masak peket bersubsidi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, mekanisme itu sedang dipertimbangkan memandangkan minyak masak peket berada di pasaran terbuka.

Menurut beliau, kerajaan mahu benar-benar sasarkan kepada yang memerlukan supaya tidak berlaku penjualan kepada pihak yang tidak sepututnya.

“Ketika ini, kerajaan keluarkan 60 juta peket minyak masak bersubsidi setiap bulan akan tetapi aduan diterima ialah ia tidak boleh didapati di pasaran dan selalu habis.

“Maka dengan subsidi bersasar, hanya yang ada ID dan disahkan layak sahaja boleh dapatkan minyak masak yang peket bersubsidi ini,” katanya dalam kenyataan.

Kata beliau, kerajaan mempunyai sebab tertentu untuk tidak menggunakan kad pengenalan atau MySejahtera.

“Ini kerana keperluan keluarga tidak sama dengan keperluan peniaga mikro. Maka nanti kita hadkan pembelian kepada tiga atau 5kg, peniaga akan bermasalah.

“Lagi satu ialah golongan T20 tidak layak terima subsidi minyak masak peket. Maka perlu kepada pengenalan yang berbeza,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan terbuka dengan cadangan menggunakan MyKad dan perkara itu wajar diperimbangkan.

“Berkenaan dengan peniaga mikro, kita perlu bincang lagi sebab mereka tak semua berdaftar. Apapun, kita belum muktamadkan mekanisme. Kita cuma dah muktamadkan penerima, libat urus berterusan,” katanya.

KPDN perkenal pengenalan diri khas untuk pengguna yang layak beli minyak masak peket bersubsidi

Nasional 6



# Hanya pemilik ID khas dibenar beli minyak masak bersubsidi

Langkah elak ketirisan, pastikan golongan sasar dapat manfaat

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menetapkan hanya mereka yang mempunyai pengenal diri (ID) khas dan disahkan layak boleh membeli minyak masak peket bersubsidi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, berkata ketetapan itu bagi memastikan subsidi itu sampai ke golongan sasaran dan tidak berlaku penjualan kepada golongan yang tidak layak, termasuk warga asing.

"Ketika ini kerajaan keluarkan



Fuziah Salleh

60 juta peket minyak masak bersubsidi setiap bulan, akan tetapi aduan diterima ialah ia tidak didapati di pasaran dan selalu habis.

"Sekarang minyak masak peket berada di pasaran terbuka. Kita mahu sasarkan kepada yang memerlukan, supaya tidak berlaku penjualan kepada yang tidak sepatutnya," katanya dalam satu kenyataan di Facebook, semalam.

Sehubungan itu, katanya, dengan subsidi bersasar, hanya yang ada ID khas dan disahkan layak sahaja boleh mendapatkan minyak masak paket bersubsidi.

"Ramai yang bertanya mengapa tidak gunakan IC atau MySejahtera. Ini kerana keperluan keluarga tidak sama dengan keperluan peniaga mikro," katanya.

## Golongan T20 ID berbeza

Dalam pada itu, katanya, sekiranya pembelian dihadkan kepada tiga atau lima kilogram, peniaga akan berhadapan bermasalah.



Penggunaan ID khas antara usaha KPDN pastikan hanya rakyat yang layak sahaja beli minyak masak peket bersubsidi.  
(Foto hiasan)

Lagi satu ialah golongan T20 tidak layak terima subsidi minyak peket. Maka perlu kepada ID yang berbeza," katanya.

Menjawab komen pengguna pada hantaran itu di Facebooknya, Fuziah berkata, penggunaan kad pengenalan berbeza juga boleh membantu menghalang golongan yang tidak layak daripada membeli produk bersubsidi.

Julai lalu, Fuziah menyatakan akan melaksana kaedah pembelian minyak masak peket kepada kumpulan sasar mulai tahun depan dan seramai 5.8 juta isi rumah daripada golongan M40 dan B40 sudah dikenal pasti dan layak berada dalam kumpulan itu.

Beliau berkata, kementerian juga akan menambah kira-kira satu juta (pengguna) dalam ka-

langan usahawan mikro yang memerlukannya (minyak masak paket) seperti peniaga ayam goreng, pisang goreng dan keropok lekor.

Katanya, KPDN juga mewujudkan sistem Pangkalan Data Utama (PADU), iaitu agensi di bawah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan semua data perludikemas kini dan dibersihkan.

## Guna MyKad beli minyak masak

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan penggunaan MyKad untuk tujuan pembelian minyak masak berpeket berbanding cadangan penggunaan pengenalan diri khas (ID).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, berkenaan pembelian oleh peniaga mikro pula perlu dibincang kerana tidak semua mendaftar perniagaan.

"Sekiranya ini memudahkan dengan 'link' kepada MyKad kita boleh pertimbangkan. Berkenaan dengan peniaga mikro kita perlu bincang lagi sebab mereka tak semua berdaftar.

"Apapun.. relaks.. kita belum muktamadkan mekanisma. Kita cuma dah muktamadkan perniaga. Libat urus berterusan," katanya dalam satu hantaran di Facebook semalam.

Kelmarin, Fuziah memaklumkan, hanya mereka yang layak dan ada ID boleh mendapatkan



SEBANYAK 60 JUTA PEKET MINYAK MASAK BERSUBSIDI DIKELUARKAN SEBULAN.

minyak masak berpeket selepas kerajaan melaksanakan subsidi bersasar yang dijangka bermula tahun depan.

Langkah itu ekoran aduan minyak masak bersubsidi tiada di pasaran sedangkan kerajaan keluarkan 60 juta peket minyak masak bersubsidi setiap bulan.

"Maka dengan subsidi bersasar, hanya yang ada ID (pengenalan diri) dan disahkan layak sahaja boleh dapatkan minyak

masak yang peket bersubsidi ini.

"Ramai yang bertanya mengapa tidak gunakan IC (MyKad) atau MySejahtera. Ini kerana keperluan keluarga tidak sama dengan keperluan peniaga mikro," katanya.

Pengumuman itu mengundang kritikan ramai yang berpandangan penggunaan MyKad adalah lebih wajar dan memudahkan untuk urusan pembelian minyak masak berpeket.

# CADANGAN & KRITIKAN KAD SUBSIDI MINYAK



MUKA 2 & 3

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperkenalkan mekanisme pengenalan diri (ID) serta disahkan layak untuk pembelian minyak masak peket tahun depan bagi memastikan barang bersubsidi itu hanya dibeli oleh kumpulan sasar.
- Namun, penganalisis berpendapat idea dan kaedah menggunakan ID tertentu terlalu sukar untuk dilaksanakan, tidak komprehensif serta mengelirukan, sekali gus menimbulkan pelbagai persoalan dan perdebatan.
- Dalam pada itu, Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh bersedia menerima pandangan daripada orang ramai mengenai bentuk ID tersebut kerana ia masih di peringkat kajian dan belum dimuktamadkan, malah libat urus berkaitan mekanisme pelaksanaan masih berterusan.

# Cari mekanisme lebih mudah

KPDN pertimbang cadangan guna MyKad beli minyak masak bersubsidi

SHAH ALAM

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Fuziah Salleh menyatakan bentuk pengenalan diri (ID) bagi membolehkan pembelian minyak masak peket bersubsidi masih di peringkat kajian.

Menerusi komen balas terhadap cadangan di aplikasi X (Twitter) miliknya, beliau tidak menolak kemungkinan ia disambungkan dengan MyKad.

"Kita akan pastikan yang terbaik untuk rakyat. Kita akan gunakan mekanisme paling mudah untuk rakyat," katanya.



FUZIAH

Menjawab pandangan agar mekanisme tersebut lebih menjurus kepada kaedah digital berbanding mewujudkan kad fizikal, beliau menyatakan sistem biometrik juga merupakan perkara yang sedang diterokai oleh pihaknya.

Dalam pada itu, beliau turut menegaskan kaedah yang bakal digunakan pada tahun depan akan memastikan hanya mereka yang memenuhi kriteria akan menikmati minyak masak peket yang disubsidi oleh kerajaan.

"Libat urus masih berterusan berkaitan mekanisme pelaksanaan.

Sekarang ini kita sudah kenal pasti kategori penerima dan yang belum muktamad apakah mekanismenya," kata beliau.

Terdahulu, Fuziah memaklumkan kaedah pembelian minyak masak peket kepada kumpulan sasar seperti yang



Minyak peket 1kg kini dijual pada harga subsidi RM2.50.

dirancang dilaksanakan pada tahun depan akan menggunakan mekanisme ID khas dan telah disahkan layak.

Beliau berkata, kaedah pembelian menggunakan MyKad dan aplikasi MySejahtera tidak digunakan kerana pembelian untuk kegunaan keluarga tidak sama dengan keperluan peniaga mikro.

"Ramai bertanya mengapa tidak gunakan IC atau MySejahtera? Ini kerana keperluan dua kumpulan itu tidak sama.

"Jika kita hadkan pembelian kepada tiga atau lima kilogram (kg), peniaga akan bermasalah. Selain itu, golongan T20 tidak layak terima subsidi minyak peket. Maka perlu ada ID yang berbeza," katanya menerusi kenyataan pada Ahad.

Julai lalu, Fuziah berkata, se-ramai 5.8 juta isi rumah daripada golongan M40 dan B40 layak menerima subsidi minyak masak.

Beliau berkata, kementerian juga akan menambah kira-kira

satu juta pengguna dalam kalangan usahawan mikro yang memerlukan minyak masak peket seperti peniaga ayam goreng, pisang goreng dan keropok lekor.

Jelasnya, kerajaan juga mewujudkan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dengan semua data akan dikemas kini.

Menurut Fuziah, ketika ini minyak masak peket berada pasaran terbuka dan pihaknya mahu ia dinikmati oleh kumpulan yang memerlukan sahaja selain tidak berlaku penjualan kepada pihak yang tidak sepatutnya.

"Pada ketika ini kerajaan ke luarkan 60 juta peket minyak masak bersubsidi setiap bulan, akan tetapi aduan diterima ialah ia tidak boleh didapat di pasaran dan selalu habis," jelas beliau.

Minyak masak peket satu kilogram adalah dikawal oleh kerajaan dan hanya boleh dijual pada harga subsidi RM2.50.

Harga minyak masak dalam botol pula dipengaruhi harga minyak sawit mentah di pasaran dunia dan tidak dikawal.

Harga semasa minyak masak tulen botol 1kg ialah sekitar RM7.80, RM13.50 (2kg), RM20.90 (3kg) dan RM29-RM40 (5kg).

**HARGA ROTI NAIK**

# Gardenia KL beri kerjasama

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid  
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**G**ardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd (Gardenia KL) akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhubung kenaikan harga 30 jenis roti miliknya bermula kelmarin.

Gardenia menerusi satu kenyataan kepada Harian Metro berkata, pihaknya akan menyediakan semua maklumat yang diminta oleh KPDN berkaitan kenaikan harga produk itu.

"Gardenia menghargai peranan yang dimainkan

oleh KPDN dalam memantau harga produk kami.

"Kami akan memberi kerjasama sepenuhnya dan akan menyediakan semua maklumat yang diminta KPDN berkaitan kenaikan harga produk-produk kami," katanya, semalam.

Gardenia KL sebelum ini mengesahkan, 30 produk mereka mengalami kenaikan harga antara 10 sen dan 40 sen, selepas menyemak semula harga bagi produk terpilih.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh kemudian diperiksa berkata, kementerian sudah mengeluarkan notis

meminta Gardenia KL memberikan penjelasan berhubung kenaikan harga 30 jenis roti keluaran syarikat berkenaan.

Fuziah berkata, syarikat itu perlu menjawab notis dikeluarkan pada 27 September itu, sebagai sebahagian daripada usaha pihaknya bagi mengelak kenaikan harga yang tidak munasabah, sehingga boleh membebankan rakyat.



# RM100k fine for diesel sale

## Petrol station owner admits to selling diesel in barrels

**PETALING JAYA:** A proprietor of a petrol station has been fined RM100,000 by the Sessions Court here for allowing the sale of diesel in barrels, which is not allowed under the Control of Supplies Regulations 1974.

Judge Azrul Darus meted out the fine against Abdul Wahab Jaafar, 72, after he changed his plea to guilty when the case came up for mention yesterday.

Abdul Wahab, as the joint owner of the gas station KA Surijaya Enterprise, was charged with failing to comply with the Control of Supplies Act by selling diesel in barrels to Yau Poh Trading Sdn Bhd and laden onto two lorries, each carrying 1,140 litres and 1,080 litres, respectively.

The 72-year-old proprietor was charged under Section 22(1) of the Control of Supplies Act 1961 which provides a maximum fine of RM1mil or

imprisonment of three years or both.

Deputy public prosecutor from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, Suhana Mohd, requested a heavy sentence as a lesson to the accused taking into account the subsidy leakage factor, which resulted in the government suffering huge losses because aid to the people was misappropriated by irresponsible parties, reported Bernama.

"The government spends billions of ringgit every year on fuel subsidies and his actions have caused damage to the country's economic landscape in addition to causing insecurity in the supply of diesel fuel in the country."

"The offence committed by him is serious and I ask for a severe punishment in the form of deterrence against the accused," he said.



---

---

## **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**3 OKTOBER 2023 (SELASA)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 3 OKTOBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Oct	Govt looking for the best cooking oil subsidy mechanism, says Fuziah	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/02/govt-looking-for-the-best-cooking-oil-subsidy-mechanism-says-fuziah">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/02/govt-looking-for-the-best-cooking-oil-subsidy-mechanism-says-fuziah</a>	THESTAR
3-Oct	Kad ID khas beli minyak masak peket diperkenal tahun depan	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/02/kad-id-khas-beli-minyak-masak-peket-diperkenal-tahun-depan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/02/kad-id-khas-beli-minyak-masak-peket-diperkenal-tahun-depan/</a>	FMT
3-Oct	KAD ID KHAS BELI MINYAK MASAK PEKET DIPERKENAL TAHUN DEPAN	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hotfm.audio/kad-id-khas-beli-minyak-masak-peket-diperkenal-tahun-depan/amp/">https://www.google.com/amp/s/www.hotfm.audio/kad-id-khas-beli-minyak-masak-peket-diperkenal-tahun-depan/amp/</a>	HOTFM
3-Oct	Pemilik stesen minyak didenda RM100,000	<a href="https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/282019">https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/282019</a>	SH
3-Oct	Pemilik stesen minyak didenda RM100,000 benarkan jual diesel dalam tong	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pemilik-stesen-minyak-didenda-rm100-000-benarkan-jual-diesel-dalam-tong-439922%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pemilik-stesen-minyak-didenda-rm100-000-benarkan-jual-diesel-dalam-tong-439922%3famp=1</a>	ASTROAWANI
3-Oct	Guna ID cetus pelbagai persoalan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/282115/berita/nasional/guna-id-cetus-pelbagai-persoalan">https://www.sinarharian.com.my/article/282115/berita/nasional/guna-id-cetus-pelbagai-persoalan</a>	SH
3-Oct	Gardenia KL sedia beri kerjasama kepada KPDN	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1015682/gardenia-kl-sedia-beri-kerjasama-kepada-kpdn">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1015682/gardenia-kl-sedia-beri-kerjasama-kepada-kpdn</a>	HM
3-Oct	Mohamad : Four intervention measures to address issues with rice supply	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/10/962134/mohamad-four-intervention-measures-address-issues-rice-supply">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/10/962134/mohamad-four-intervention-measures-address-issues-rice-supply</a>	NST

3-Oct	Kerajaan umum empat langkah intervensi tambahan tangani isu beras - Mohamad Sabu	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-umum-empat-langkah-intervensi-tambahan-tangani-isu-beras-mohamad-sabu-439930%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-umum-empat-langkah-intervensi-tambahan-tangani-isu-beras-mohamad-sabu-439930%3famp=1</a>	ASTROAWANI
3-Oct	4 langkah segera atasi isu kekurangan beras putih tempatan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/10/1159855/4-langkah-segera-atasi-isu-kekurangan-beras-putih-tempatan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/10/1159855/4-langkah-segera-atasi-isu-kekurangan-beras-putih-tempatan</a>	BH
3-Oct	Mohamad Sabu: Gov't to implement four additional intervention measures to tackle rice issue	<a href="https://www.thesundaily.my/local/mohamad-sabu-gov-t-to-implement-four-additional-intervention-measures-to-tackle-rice-issue-LD11566184">https://www.thesundaily.my/local/mohamad-sabu-gov-t-to-implement-four-additional-intervention-measures-to-tackle-rice-issue-LD11566184</a>	THESUNDAILY
3-Oct	Govt mulls special IDs to ensure only target groups get subsidised cooking oil, says Fuziah	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/10/02/govt-mulls-special-ids-to-ensure-only-target-groups-get-subsidised-cooking-oil-says-fuziah/">https://www.theborneopost.com/2023/10/02/govt-mulls-special-ids-to-ensure-only-target-groups-get-subsidised-cooking-oil-says-fuziah/</a>	THEBORNEOPOST